

37

NO. SOALAN :25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN**  
**[RANAU]**

**TARIKH JAWAPAN : 14 NOVEMBER 2017**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Ewon bin Ebin minta Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah projek menaik taraf bekalan air bersih bernilai RM 29 juta di Ranau akan dilaksanakan sepertimana yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di Kota Kinabalu Sabah pada 27 Jun 2017 lalu.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Cadangan Projek Menaik Taraf Bekalan Air Bersih bernilai RM 29 juta adalah Cadangan Pembinaan Muka Sauk (*Intake*) Baharu di Sungai Ulu Mamut, Ranau dan ia masih dalam peringkat perancangan Kerajaan Negeri Sabah. Permohonan projek ini telah dibentangkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri pada 15 Jun 2017. Namun begitu pihak UPE, JPM meminta supaya Kerajaan Negeri Sabah mempertimbangkan cadangan alternatif lain bagi projek ini dengan melihat kepada teknologi pembinaan Empangan Sabo dan *Off River Storage* seperti dipraktikkan di Negara Jepun.
2. Walau bagaimanapun, pihak UPE, JPM telah meluluskan satu projek bekalan air lain di Daerah Ranau iaitu projek Pembinaan Loji Rawatan Air Kundasang dengan kos sebanyak RM 161,930,233.00. Skop projek ini merangkumi pembinaan loji rawatan air berkapasiti 15 juta liter sehari (JLH), pembinaan muka sauks di Sungai Bambang, pemasangan paip air mentah transmisi dan agihan sepanjang 50.6 km di kawasan Pekan Kundasang dan kampung-kampung di sekitarnya, Dumpiring Bawah, Kem Bina Negara, Kampung Mesilou dan Pusat Dakwah Kundasang.

3. Projek ini telah selesai melaksanakan proses Makmal Kejuruteraan Nilai pada 15 hingga 17 Ogos 2017 dan dijangka akan ditender pada penghujung tahun 2017. Adalah diharapkan dengan terlaksananya projek ini, ianya akan dapat menyelesaikan masalah bekalan air di Daerah Ranau.

Sekian, terima kasih

.....